

# Malaysia sedia bantu Thailand

**K**UALA LUMPUR: Malaysia percaya permohonan maaf terbuka Perdana Menteri kerajaan sementara Thailand, Surayud Chulanont kepada penduduk Islam di wilayah selatan, permulaan terbaik dalam mengembalikan keamanan di kawasan bergolak itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia sedia menghulurkan sebarang bantuan bagi membantu usaha perdamaian di selatan Thailand yang majoriti penduduk beragama Islam.

"Saya yakin Raja Thailand dan kerajaan sementara sekarang bertekad mencari penyelesaian. Tindakan itu akan menghilangkan ketakutan rakyat," katanya pada sidang media selepas melancarkan buku *Number One Wisma Putra* di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) di sini, semalam.

Buku itu koleksi 31 catatan pengalaman bekas dan duta Malaysia ketika berkhidmat di negara asing.

Surayud memohon maaf ketika berucap di hadapan kira-kira 1,000 penduduk wilayah Pattani kelmarin dan menyatakan kerajaan bekas Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra yang digulingkan dalam rampasan kuasa 19 September lalu, mengamalkan dasar keras sehingga membu-

rukkan keadaan di wilayah itu.

Pergolakan di selatan Thailand telah membunuh lebih 1,700 orang, sebahagian penduduk Islam.

Syed Hamid berkata, Malaysia gembira Surayud mengotakan kata-katanya untuk mengambil langkah mengembalikan keamanan di wilayah itu seperti dinyatakan ketika bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini bulan lalu.

"Kita gembira dengan perkembangan di Thailand sekarang," katanya.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, Malaysia menyambut baik kesediaan Korea Utara kembali ke meja rundingan berhubung program nuklearnya.

"Ia perkembangan baik yang dapat mengendurkan ketegangan di Semenanjung Korea. Kami berharap ia diadakan secepat mungkin," katanya.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid menafikan kerajaan campuran dalam kehidupan peribadi rakyat dan apa yang disifatkan pihak luar sebagai perbuatan mencero hak individu mungkin tindakan kawalan yang perlu untuk memastikan keselamatan dan keamanan negara.

"Anda tidak mahu kerajaan masuk campuran dalam kehidupan anda dan kerajaan tidak berbuat demikian," katanya.